



**YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
INISIATIF INOVASI SOSIAL MALAYSIA (MyIS KOMUNITI)**

**TAHUN 2021/2022**

---

Sekretariat Inovasi Sosial Malaysia

Yayasan Inovasi Malaysia

L3-E-1A & L3-E-1B, Level 3, Enterprise 4

Technology Park Malaysia

57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>1.0 MAKLUMAT PROGRAM</b>	<b>3</b>
<b>2.0 OBJEKTIF PROGRAM MyIS KOMUNITI</b>	<b>3</b>
<b>3.0 KELAYAKAN PEMOHON</b>	<b>3</b>
<b>4.0 KUMPULAN SASAR (PENERIMA FAEDAH)</b>	<b>4</b>
<b>5.0 KUANTUM PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK</b>	<b>4</b>
<b>6.0 SKOP PEMBIAYAAN</b>	<b>4</b>
<b>7.0 BIDANG KEUTAMAAN</b>	<b>5</b>
<b>8.0 KRITERIA PENILAIAN</b>	<b>6</b>
<b>9.0 PEMBAYARAN</b>	<b>7</b>
<b>10.0 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN</b>	<b>8</b>
<b>11.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN</b>	<b>8</b>

## 1.0 MAKLUMAT PROGRAM

- 1.1 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memperkenalkan Inisiatif Inovasi Sosial melalui program MOSTI *Social Innovation* (MSI) sejak tahun 2015 sehingga 2017 dan dijenamakan semula sebagai *Malaysia Social Innovation* (MySI) pada tahun 2018 hingga 2020.
- 1.2 Pada tahun 2021, Inisiatif ini diteruskan dengan melantik Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai peneraju Inisiatif Inovasi Sosial sekaligus sebagai agensi pelaksana bagi program MySI tahun 2021.
- 1.3 Pada Februari 2022, MOSTI telah menjenamakan semua-semua program-program inovasi sosial kepada MyIS dan bagi program MySI ditukarkan kepada MyIS Komuniti.
- 1.4 Tema program adalah “**Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi**”

## 2.0 OBJEKTIF PROGRAM MyIS KOMUNITI

Meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat keutamaan kepada **golongan B40** dan **kumpulan yang terkesan akibat selepas pandemik COVID-19** melalui pelaksanaan projek **aplikasi teknologi tempatan yang berinovatif** yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara **mampan**.

## 3.0 KELAYAKAN PEMOHON

- 3.1 Pemohon merupakan warganegara **Malaysia**.
- 3.2 Pemohon (peneraju projek) hendaklah terdiri daripada:
  - Agensi Kerajaan;
  - Badan Berkanun;
  - Universiti Awam;
  - Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
  - Syarikat Berhad dengan Jaminan (CLG)
  - Syarikat pemula perniagaan (*start-up company*) (Operasi syarikat tidak melebihi 5 tahun)
  - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- 3.3 Hanya projek yang mempunyai **aplikasi teknologi tempatan berinovatif** dan **misi sosial** yang jelas layak memohon.

3.4 Projek mesti **dilaksanakan** di Malaysia.

#### 4.0 KUMPULAN SASAR (PENERIMA FAEDAH/PENERIMA MANFAAT)

4.1 Penerima langsung (*direct recipients*) faedah hendaklah terdiri daripada komuniti dengan keutamaan kepada **golongan B40<sup>1</sup>** (miskin bandar dan luar bandar) dan kumpulan yang terjejas akibat **pandemik COVID-19**.

4.2 Jumlah penerima faedah bagi setiap projek yang dimohon hendaklah sekurang-kurangnya **100 orang**.

#### 5.0 KUANTUM PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

5.1 Kuantum maksimum (per projek) adalah sebanyak **RM300,000.00**.

5.2 Tempoh maksimum pelaksanaan projek selama **12 bulan** sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.

#### 6.0 SKOP PEMBIAYAAN

6.1 Pembiayaan merangkumi perkara-perkara yang berikut:

- (i) Bahan mentah;
- (ii) Peralatan;
- (iii) Dokumentasi projek (seperti rakaman video perjalanan program, gambar beresolusi tinggi dan sebagainya) [Maksimum RM2,000.00];
- (iv) Perbelanjaan perkhidmatan (perundingan dan pengujian); dan
- (v) Kajian impak projek [Maksimum RM5,000]

---

1. Merujuk kepada isi rumah berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,000.00 - Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia, 9 Oktober 2017

## 7.0 BIDANG KEUTAMAAN

7.1 Bidang keutamaan bagi Program MyIS Komuniti 2021 adalah berdasarkan rangka kerja 10-10 MySTIE:

(i) **Tenaga**

- Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui
- Sistem Penyimpanan Tenaga
- Grid Mikro

(ii) **Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan**

- Model Perniagaan Langganan & Platform Perkongsian
- Perkhidmatan BerDigital dan Berautonomi
- Teknologi Kewangan dalam Kewangan Islam

(iii) **Kebudayaan, Keseniaan & Pelancongan**

- Kandungan Kreatif dan Warisan
- Pelancongan Digital
- Pelancongan Nilai Tinggi

(iv) **Perubatan & Penjagaan Kesihatan**

- Kesihatan Digital
- Perubatan Jitu
- Hub Ujian Klinikal bagi Negara Membangun

(v) **Teknologi Sistem Pintar (Kejuruteraan & Pembuatan Generasi Baru)**

- Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran dan Masyarakat Lestari
- Kilang Pintar Generasi Baru
- Pembuatan Peranti Pintar dan Pembangunan Teknologi

(vi) **Bandar Pintar & Pengangkutan**

- Pengurusan Bersepadu Infrastruktur & Infostruktur
- Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung
- Reka Bentuk Berpusat dan Analisis Berpaksikan Manusia

(vii) **Air & Makanan**

- Makanan Halal Premium
- Makanan Unggul (“Superfood”) Tempatan
- Pengurusan Bersepadu Sumber Air

(viii) **Pertanian & Perhutanan**

- Makanan Laut Nilai Tinggi
- Buah Tropika Premium

- Input Pertanian Tempatan
- Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan

(ix) **Pendidikan**

- Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Penyesuaian Peribadi
- Pensijilan Mikro
- Pembelajaran Dalam Talian Global : Mempromosikan Kandungan Tempatan

(x) **Alam Sekitar & Biodiversiti**

- Biodiversiti Jitu
- Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan

## 8.0 KRITERIA PENILAIAN

8.1 Kriteria yang dinilai bagi projek MyIS Komuniti ialah:

- **Teknologi Sedia Ada**
  - a. Teknologi yang dicadangkan bukan *prototype* dan bukan peringkat R&D; dan
  - b. Teknologi MESTI terdiri daripada teknologi tempatan atau teknologi telah tersedia di pasaran dan tidak melibatkan perolehan luar negeri.
- **Peruntukan**
  - a. Kos peruntukan yang **minimum** tetapi tidak menjejaskan kualiti projek.
- **Dinikmati Ramai**
  - a. Setiap projek hendaklah **sekurang-nya 100 orang penerima faedah**.
- **Dilaksanakan Dalam Masa Yang Singkat (*Fast Execution*)**
  - a. Projek yang dicadangkan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh maksimum **12 bulan**.
- **Berimpak Tinggi**
  - a. Projek yang dicadangkan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek:
    - **Meningkatkan produktiviti; atau/dan**
    - **Meningkatkan pendapatan komuniti terlibat; atau/dan**
    - **Mewujudkan peluang pekerjaan baharu; atau/dan**
    - **Peningkatan kadar pemuliharaan alam sekitar.**

- **Mampan**  
Projek yang dicadangkan boleh berkembang serta mempunyai pelan perniagaan (*Business Plan*) atau pelan *Exit* yang jelas untuk menampung kelestarian projek (2 tahun setelah projek siap).
- **Penyelesaian Masalah**  
Mengemukakan dokumen / laporan yang menunjukkan projek tersebut telah berjaya dilaksanakan di komuniti lain sebelum ini.
- **Perancangan Projek**  
Projek yang dicadangkan telah dibuat sesi *engagement* bersama masyarakat dan kolaborator, disokong oleh *baseline study* dan mempunyai komponen kos yang jelas.
- **Kos Selenggara**  
Projek yang dicadangkan hendaklah mempunyai kos selenggara yang rendah, alat ganti yang mudah diperolehi, mudah untuk diselenggara oleh masyarakat dan mempunyai waranti.
- **Kelestarian Alam Sekitar**  
Projek yang dicadangkan boleh mengurangkan kebergantungan kepada sumber alam tidak boleh diperbaharui, boleh dioperasi tanpa bekalan konvensional, mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan mengurangkan penggunaan jentera berat.

## 9.0 PEMBAYARAN

Pemohon perlu mengemukakan semua tuntutan bayaran tidak lewat dari **satu (1) bulan dari tarikh tamat projek**. Pemohon bertanggungjawab untuk memastikan supaya peruntukan pengurusan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

Proses pembayaran akan dibuat berdasarkan jadual di bawah:-

No	Tahap Kemajuan	Jumlah Bayaran (%)
1	Pembayaran pendahuluan	10
2	Berdasarkan pencapaian (milestone) projek  **RM5,000.00 bagi tujuan perkhidmatan perunding kajian impak	87
3	Selepas 6 bulan dari tarikh tamat serahan projek	3

## 10.0 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

- 10.1 Setiap permohonan lengkap yang diterima akan diproses dan dinilai oleh Panel yang dilantik oleh YIM. Projek yang mendapat perakuan panel akan dibentang ke Jawatankuasa Teknikal MyIS Komuniti untuk disyorkan kepada Jawatankuasa Pemandu MyIS Komuniti bagi kelulusan.
- 10.2 Setiap projek yang berjaya **MESTI** mematuhi terma dan syarat yang telah digariskan dalam Syarat-syarat Tawaran.
- 10.3 Setiap projek akan dipantau menerusi mekanisma pemantauan yang ditetapkan oleh YIM, iaitu menerusi lawatan pemantauan tapak serta laporan yang dikemukakan.

## 11.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN

- 11.1 Pemohon perlu mengenal pasti perkara berikut **sebelum memohon**:
  - (i) Komuniti yang bersesuaian dengan produk yang ingin dipertimbangkan untuk Projek MyIS Komuniti;
  - (ii) Mengetahui pasti kolaborator projek (sekiranya ada), menghubungi wakil komuniti dan memperincikan maklumat permohonan; dan
  - (iii) Pemohon hendaklah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi membiayai pelaksanaan projek seterusnya.
- 11.2 Sebarang perbelanjaan yang melebihi peruntukan dana hendaklah ditanggung sendiri oleh Pemohon.
- 11.3 Permohon hendaklah memohon melalui laman web YIM menggunakan sistem Innomap seperti berikut:  
  
<https://www.mysi.innomap.my>
- 11.4 Salinan dokumen berikut hendaklah disertakan bersama semasa proses permohonan iaitu:
  - (i) Perjanjian/ Surat Setuju diantara Pemohon Projek, Kolaborator dan Penerima Manfaat dan (persetujuan Kolaborator dan Penerima Manfaat untuk terlibat dalam pelaksanaan projek);



(ii) Perjanjian/ Surat Setuju Pemohon Projek/ Penerima Manfaat bersama pemilik tanah (kebenaran menggunakan tanah bagi pelaksanaan projek); dan

(iii) Salinan Penyata Bank Organisasi Pemohon;

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan MyIS Komuniti, bolehlah menghubungi :

Sekretariat Inovasi Sosial Malaysia  
Yayasan Inovasi Malaysia  
L3-E-1A & L3-E-1B, Level 3, Enterprise 4  
Technology Park Malaysia  
57000 Bukit Jalil  
Kuala Lumpur

Tel : 03 – 8996 1714

Faks : 03 – 8996 1715

Emel : [sekretariat.mysi@yim.my](mailto:sekretariat.mysi@yim.my)